Settlement Tracker™
conveyancing online

# Carta aliran penyelesaian pembayaran untuk Pembeli

## Tahap Kontrek

### 1 Tawaran & Persetujuan Penerimaan

Ejen hartanah anda akan menghantar suatu salinan kontrek kepada anda dan menasihati pihak LJH Setts agar memulakan proses penyelesaian pembayaran.

### 2 Settlement Tracker

Anda akan dimaklumkan langkah demi langkah menerusi sms dan e-mel melalui program berasaskan web kami 'Settlement Tracker'.

### 3 Surat perkenalkan diri

Anda akan menerima suatu surat perkenalkan diri dan Pengesahan untuk Bertindak daripada LJ Hooker Settlements. Sila tanda tangani dan pulangkan dokumen-dokumen ini secepat yang mungkin.

### 4 Bayar Deposit

Pastikan bahawa deposit anda dibayar pada masa yang sepatutnya kepada pejabat Ejen yang dicadangkan pada Kontrek Penerimaan Tawaran.

### 5 Jika pinjaman diperlukan

Jikalau pinjaman kewangan diperlukan, anda harus mengemukakan satu salinan O&A (Tawaran & Persetujuan Penerimaan) kepada Broker atau Bank anda supaya kelulusan pinjaman dapat diatur. Permohonan pembelian rumah pertama anda harus dilengkapkan dengan Peminjam/Broker/Bank.

### 6 Kelulusan peminjaman kewangan

Apabila pinjaman kewangan telah diluluskan, sila arahkan institusi kewangan anda supaya menghantar suatu salinan surat kelulusan kepada Ejen Hartanah anda pada tarikh yang sepatutnya.

## Tahap Proses Penyelesaian Pembayaran

### 7 Anda akan dihubungi secara perseorangan

Anda akan dihubungi oleh Ejen Penyelesaian Pembayaran anda & beliau akan membicangkan semua butir transaksi ini.

### 8 Dokumen Penting

LJ Hooker Settlements akan mengirimkan anda dokumendokumen penting termasuk Pemindahan Milik Tanah.

### 9 Tanda tangani Dokumen-dokumen

Gadai Janji Hubungi Bank anda untuk menandatangani dokumen-dokumen gadai janji jika perlu. Proses ini memakan masa sekurang-kurangnya 10 hari bekerja untuk diproses selepas ditandatangani.

### 10 Laporan-laporan Keadaan

Pastikan bahawa laporan keadaan hartanah anda misalnya pemeriksanaan bangunan atau laporan anai-anai dijalankan pada masa yang sepatutnya. Suatu pemeriksaan pra-penyelesaian pembayaran boleh diatur dengan ejen jualan LJ Hooker anda sebelum penyelesaian pembayaran.

### 11 Penyata Penyelesaian.

Akan dikirimkan kepada anda serta Bank anda mencirikan jumlah wang yang anda perlukan sebelum penyelesaian pembayaran, misalnya Duti Setem, yuran penyelesaian pembayaran dan lainlain.

### 12 Duti Setem

Mesti dibayar sebagai sebahagian daripada transaksi sebelum penyelesaian pembayaran dibuat. Ahli professional yang mengendalikan urusan pindah milik hartanah anda akan memberitahu anda bila pembayaran harus dibuat.

### 13 Sijil Insurans

Anda perlu mendapatkan Sijil Insurans untuk memberi perlindungan insurans ke atas hartanah tersebut. Jika Peminjaman Kewangan dari Bank terlibat, Bank anda perlu didaftarkan sebagai pihak yang berkepentingan.

### 14 Insurans Hakmilik

Maklumat tentang produk ini akan kami berikan kepada anda. Insurans hakmilik memberi perlindungan daripada risiko-risiko yang wujud dalam transaksi hartanah.

## Penyelesaian Pembayaran Dilangsaikan

### 15 Tahniah!

Anda akan diberitahu sebaik sahaja penyelesaian pembayaran diangsaikan. Tahniah, semoga anda bahagia di kediaman baru anda. Kami berharap yang anda akan berurusan dengan LJ Hooker Settlements untuk penjualan atau pembelian hartanah anda yang berikutnya.

### 16 Tanggung jawab Penjual

Si penjual bertanggung jawab menyerahkan kunci-kunci rumah kepada si Pembeli selewat-lewatnya pada pukul 12 tengah harisatu hari selepas penyelesaian, melainkan persetujuan lain telah dibuat.

### 17 Surat Pengesahan Penyelesaian Pembayaran

Suatu Surat Pengesahan Penyelesaian Pembayaran akn dikirimkan kepada anda dengan penyata terakhir menunjukkan pelarasan bayaran perbandara tempatan, cukai dll.

### 18 Geran Hakmilik

Geran Hakmilik akan dikirimkam melalui mel berdaftar, atau jika digadaijanji, suatu salinan yang mengenalpasti anda sebagai pemilik akan dikirimkan kepada anda melalui pos. Proses ini akan memakan masa lebih kurang 4 minggu.

**Now we can settle your nerves as well**

LJ Hooker

**LJ Hooker Settlements**

**+61 8 9426 6088**

+61 8 9426 6089

Level 10, 68 St Georges Terrace, Perth WA 6831

settlementswa@ljh.com.au

**ljhookersettlements.com.au**